



GARIS PANDUAN

PERMOHONAN SIJIL LADANG BEBAS PENYAKIT HAIWAN

GARIS PANDUAN PERMOHONAN SIJIL LADANG BEBAS PENYAKIT HAIWAN

MAKLUMAT AM

SALURAN PERMOHONAN BAHARU DAN PEMBAHARUAN

1. Permohonan Baharu

Permohonan baharu dibuka sepanjang tahun.

Tarikh akhir menghantar permohonan baharu adalah pada 31 Ogos setiap tahun.



2. Permohonan Pembaharuan

Tarikh akhir menghantar permohonan pembaharuan adalah tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sah sijil.




TEMPOH SAH SIJIL LADANG BEBAS PENYAKIT HAIWAN


Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Bebas Penyakit Haiwan (JKPBPH) Bil 2/2025 yang telah bersidang pada 27 Oktober 2025 telah bersetuju agar tempoh sijil ladang bebas dilanjutkan dari satu (1) tahun ke dua (2) tahun dengan syarat setiap tahun ujian makmal penyakit perlu dijalankan dan mendapat keputusan negatif bagi tujuan pengesahan bebas penyakit. Sekiranya pihak ladang gagal mematuhi syarat ini, JKPBPH berhak untuk menggantung/membatalkan sijil ladang bebas serta merta. Pindaan tempoh sijil ini berkuatkuasa bermula bulan Oktober 2025.

Contoh Ladang A telah mematuhi kriteria permohonan baharu penyakit Brucellosis dan diluluskan sijil bebas penyakit Brucellosis oleh JKPBPH, tempoh sah sijil adalah dari 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2027.



CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN (BAHARU DAN PEMBAHARUAN)





KRITERIA PERMOHONAN SIJIL LADANG BEBAS PENYAKIT HAIWAN

NEWCASTLE DISEASE (ND) DAN AVIAN INFLUENZA (AI)

1. Permohonan baharu

i. Ladang Broiler / Ayam Kampung

Kriteria :

- a) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii) Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- b) Mempunyai **rekod vaksinasi** terkini (ND, LPAI bagi ladang yang diluluskan oleh DVS).
- c) **Ladang Bukan MyGAP**- Dua kali negatif ujian selang 6 bulan (30 sampel kloaka dan 30 sampel trakea).
- d) **Ladang MyGAP (Self -regulated)** - Ujian dijalankan sekali oleh DVS Negeri bagi tujuan Verifikasi (30 sampel kloaka dan 30 sampel trakea).

ii. Ladang Layer

Kriteria :

- a) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii) Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- b) Mempunyai **rekod vaksinasi** terkini (ND, LPAI bagi ladang yang diluluskan oleh DVS).
- c) **Ladang bukan MyGAP**- Dua kali negatif ujian selang 6 bulan (jumlah sampel seperti dalam jadual 1).
- d) **Ladang MyGAP (Self -regulated)** - Ujian dijalankan sekali oleh DVS Negeri bagi tujuan verifikasi (jumlah sampel seperti dalam jadual 1).

Jadual 1: Jadual persampelan program premis bebas di Ladang Layer

Bil	Kategori (M = minggu)	Jumlah Sampel
1	DOC	15 Sampel Kloaka
		15 Sampel Trakea
2	Pullet	15 Sampel Kloaka
		15 Sampel Trakea
		30 Sampel Serum
3	Fasa Mula Bertelur (16-30 M)	5 Sampel Kloaka
		5 Sampel Trakea
		10 Sampel Serum
4	Fasa <i>Peak</i> Bertelur (30-59 M)	5 Sampel Kloaka
		5 Sampel Trakea
		10 Sampel Serum
5	Fasa Penurunan Bertelur (>60 M)	5 Sampel Kloaka
		5 Sampel Trakea
		10 Sampel Serum

iii. Ladang Breeder (PS &GPS)

Kriteria :

- a) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- b) Mempunyai **rekod vaksinasi** terkini (ND, LPAI bagi ladang yang diluluskan oleh DVS).
- c) **Ladang bukan MyGAP**- Dua kali negatif ujian selang 6 bulan (jumlah sampel seperti dalam jadual 2).
- d) **Ladang MyGAP (Self -regulated)**- Ujian dijalankan sekali oleh DVS Negeri bagi tujuan Verifikasi (Peak production) (jumlah sampel seperti dalam jadual 2)

Jadual 2: Jadual persampelan program premis bebas di Ladang Breeder (PS &GPS)

Bil	Kategori (M = minggu)	Jumlah Sampel
1	Fasa <i>Peak</i> Bertelur (30-59 M)	5 Sampel Kloaka
		5 Sampel Trakea
		10 Sampel Serum

Nota :

***Sampel serum di ladang layer dan breeder hanya untuk penyakit ND. Keputusan kadar titer antibodi sekurang-kurangnya 2⁵ dalam sekurang-kurangnya 66% sampel yang diambil secara rawak merujuk kepada PVM ND(No Dokumentasi:PVM6(12):1/2011).**

2. Permohonan pembaharuan

Kriteria :

- a) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii) Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- a) Mempunyai **rekod vaksinasi** terkini (ND, LPAI bagi ladang yang diluluskan oleh DVS)
- b) **Persampelan** dijalankan setahun sekali – Semua sampel diuji negatif :
 - Ladang Broiler - 30 sampel kloaka dan 30 sampel trakea
 - Ladang Layer/Breeder (PS &GPS) -30 sampel kloaka dan 30 sampel trakea (*peak production*)

3. Permohonan bagi premis positif ND dan AI**i. Ladang Broiler / Ayam Kampung**

Kriteria :

- a) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii) Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- b) Mempunyai **rekod vaksinasi** terkini (ND, LPAI bagi ladang yang diluluskan oleh DVS).
- c) **Ternakan diuji negatif selepas 6 bulan** dari tarikh kes /jangkitan terakhir dikesan (Ujian 1, 30 sampel kloaka dan 30 sampel trakea).

- d) **Ternakan diulang uji dan negatif selepas 6 bulan** dari Ujian 1 (Ujian 2, 30 sampel kloaka dan 30 sampel trakea).

ii. Layer

Kriteria :

- a) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
- i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- b) Mempunyai **rekod vaksinasi** terkini (ND, LPAI bagi ladang yang diluluskan oleh DVS).
- c) **Ternakan diuji negatif selepas 6 bulan** dari tarikh kes /jangkitan terakhir dikesan (Ujian 1, jumlah sampel seperti dalam jadual 1).
- d) **Ternakan diulang uji dan negatif selepas 6 bulan** dari Ujian 1 (Ujian 2, jumlah sampel seperti dalam jadual 1).

iii. Breeder (PS &GPS)

Kriteria :

- a) Mempunyai Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
- i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- b) Mempunyai **rekod vaksinasi** terkini (ND, LPAI bagi ladang yang diluluskan oleh DVS)
- c) **Ternakan diuji negatif selepas 6 bulan** dari tarikh kes /jangkitan terakhir dikesan (Ujian 1, jumlah sampel seperti dalam jadual 2)
- d) **Ternakan diulang uji dan negatif selepas 6 bulan** dari Ujian 1 (Ujian 2, jumlah sampel seperti dalam jadual 2)

AVIAN SALMONELLOSIS

i. Ladang Broiler

1. Permohonan baharu

Kriteria :

- a) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
- i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii) Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- b) **Program Self-regulated Salmonellosis** perlu dijalankan oleh pihak ladang sebanyak 4 kali setahun
- c) **Persampelan** dijalankan setahun sekali. Persampelan bagi setiap *batch* (jumlah sampel seperti dalam jadual 3).

Jadual 3 : Jadual persampelan bagi permohonan bebas Avian Salmonellosis

Bil	Jenis sampel	Jumlah sampel
1	Calitan kloaka	<ul style="list-style-type: none"> • 30 sampel *5 calitan per botol yang mengadungi 50 ml BPW (Nisbah 1:10 – 1 sampel per 10ml BPW)
2	Calitan Persekitaran	<ul style="list-style-type: none"> • 30 sampel *5 calitan per botol yang mengadungi 50 ml BPW (Nisbah 1:10 – 1 sampel per 10ml BPW)
3	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> • Minimum 1 sampel • 250 gram/sampel • Menggunakan plastik steril
4	Air minuman	<ul style="list-style-type: none"> • Mimimum 1 sampel • 250 ml /botol • Menggunakan botol steril
5	RWBT <i>(rapid whole blood test)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • 30 sampel • Ayam positif - PM 5 ekor • Organ dalaman penting (<i>vital organs</i>), usus dan organ pembiakan diambil untuk isolasi Salmonella

ii. Ladang Layer/Breeder (PS &GPS)

Kriteria :

- a) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
- i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii) Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.

- b) Mempunyai **rekod vaksinasi** sekiranya vaksinasi dijalankan.
- c) **Program Self-regulated Salmonellosis** perlu dijalankan oleh pihak ladang sebanyak 4 kali setahun
- d) **Persampelan** dijalankan setahun sekali. (jumlah sampel seperti dalam jadual 4).

Jadual 4 : Jadual persampelan bagi permohonan bebas Avian Salmonellosis

Bil	Jenis sampel	Jumlah sampel
1	Calitan kloaka	<ul style="list-style-type: none"> • 30 sampel *5 calitan per botol yang mengadungi 50 ml BPW (Nisbah 1:10 – 1 sampel per 10ml BPW)
2	Calitan Persekitaran	<ul style="list-style-type: none"> • 30 sampel *5 calitan per botol yang mengadungi 50 ml BPW (Nisbah 1:10 – 1 sampel per 10ml BPW)
3	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> • Minimum 1 sampel • 250 gram/sampel • Menggunakan plastik steril
4	Air minuman	<ul style="list-style-type: none"> • Mimimum 1 sampel • 250 ml /botol • Menggunakan botol steril
5	RWBT (rapid whole blood test) bagi premis yang tidak menjalankan vaksinasi	<ul style="list-style-type: none"> • 30 sampel • Ayam positif - PM 5 ekor • Organ dalaman penting (vital organs), usus dan organ pembiakan diambil untuk isolasi Salmonella
6	Telur (diambil di egg grading area)	<ul style="list-style-type: none"> • Sampel telur sebanyak 2 tray • Telur dipilih secara random • 2 ujian Salmonella (1 ujian menggunakan 30 biji telur (<i>homogenised</i>))

2. Permohonan pembaharuan

Kriteria :

- a) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
- i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii) Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.

- b) Mempunyai **rekod vaksinasi** sekiranya vaksinasi dijalankan.
- c) **Program Self-regulated Salmonellosis** perlu dijalankan oleh pihak ladang sebanyak 4 kali setahun.
- d) **Persampelan** dijalankan setahun sekali. Semua sampel diuji negatif (Ladang Broiler jumlah sampel seperti dalam jadual 3, Ladang Layer/Breeder (PS &GPS) jumlah sampel seperti dalam jadual 4).

3. Permohonan bagi premis positif Salmonellosis

i. Ladang Broiler

Kriteria :

- a) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- b) **Persampelan** dijalankan 14 hari dari tarikh kes terakhir dirawat/dilupus di premis terjangkit *Persampelan perlu dijalankan setiap 14 hari sehingga kes negatif. Persampelan yang dijalankan seperti dalam jadual 3.
- c) Ujian perlu diulang setiap 14 hari sebanyak 4 kali negatif . Sekiranya unggas tiada semasa persampelan dijalankan, calitan persekitaran perlu dijalankan.

ii. Ayam Kampung

Kriteria :

- a) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- b) **Persampelan** dijalankan 14 hari dari tarikh kes terakhir dirawat/dilupus di premis terjangkit *Persampelan perlu dijalankan setiap 14 hari sehingga kes negatif. Persampelan yang dijalankan seperti dalam jadual 3.
- c) Ujian perlu diulang setiap 14 hari sebanyak 4 kali negatif.

i. Layer /Breeder (PS &GPS)

Kriteria :

- a) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- b) Mempunyai **rekod vaksinasi** sekiranya vaksinasi dijalankan.
- c) **Persampelan** dijalankan 14 hari dari tarikh kes terakhir dirawat/dilupus di premis terjangkit *Persampelan perlu dijalankan setiap 14 hari sehingga kes negatif. Persampelan yang dijalankan seperti dalam jadual 4.
- d) Ujian perlu diulang setiap 14 hari sebanyak 4 kali negatif.

FOOT AND MOUTH DISEASE (FMD)

1. Permohonan baharu

Kriteria:

- a) Semua ternakan berumur 3 bulan ke atas telah **divaksin P1, P2 (selang 4-5 minggu) dan booster** (selepas 4-6 bulan daripada P2 dan diulang setiap 4-6 bulan berikutnya) atau mengikut saranan syarikat pengeluar vaksin.
- b) **Tiada sejarah kes FMD** di ladang selama tempoh 2 tahun.
- c) **Tiada tanda klinikal** sepanjang tahun – verifikasi melalui pemeriksaan fizikal ternakan oleh pegawai DVS.
- d) Setiap ternakan mempunyai **tanda pengenalan** (ruminan secara individu, babi secara *herd*).
- e) **Rekod vaksinasi** yang lengkap selama 2 tahun bagi setiap ternakan berdasarkan tanda pengenalan haiwan menggunakan buku rekod yang disediakan oleh DVS atau buku rekod pemohon sendiri.
- f) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.

2. Permohonan pembaharuan

Kriteria:

- a) Semua ternakan berumur 3 bulan ke atas telah **divaksin P1, P2 (selang 4-5 minggu) dan booster** (selepas 4-6 bulan daripada P2 dan diulang setiap 4-6 bulan berikutnya) atau mengikut saranan syarikat pengeluar vaksin.
- b) **Tiada tanda klinikal sepanjang tahun** – verifikasi melalui pemeriksaan fizikal ternakan oleh pegawai DVS.
- c) Setiap ternakan mempunyai **tanda pengenalan** (ruminan secara individu, babi secara *herd*).
- d) Rekod vaksinasi setiap ternakan berdasarkan tanda pengenalan haiwan menggunakan buku rekod yang disediakan oleh DVS atau buku rekod pemohon sendiri.
- e) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.

3. Permohonan bagi gerompok/premis positif FMD

Kriteria:

- a) Semua ternakan berumur 3 bulan ke atas telah **divaksin P1, P2 (selang 4-5 minggu) dan booster** (selepas 4-6 bulan daripada P2 dan diulang setiap 4-6 bulan berikutnya) atau mengikut saranan syarikat pengeluar vaksin.
- b) **Tiada sejarah kes FMD** di ladang selama tempoh 2 tahun dari kes terakhir.
- c) **Tiada tanda klinikal** sepanjang tahun – verifikasi melalui pemeriksaan fizikal ternakan oleh DVS Negeri.
- d) Setiap ternakan mempunyai **tanda pengenalan** (ruminan secara individu, babi secara *herd*).
- e) Rekod vaksinasi yang lengkap selama 2 tahun bagi setiap ternakan berdasarkan tanda pengenalan haiwan menggunakan buku rekod yang disediakan oleh DVS atau buku rekod pemohon sendiri.
- f) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.

BRUCELLOSIS

1. Permohonan baharu (Dengan Vaksinasi)

Kriteria :

- a) Suntikan **vaksin brucella strain RB51** diberi kepada induk bovin yang berumur lebih 6 bulan (ladang lembu sahaja).
- b) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- c) Setiap ternakan mempunyai **tanda pengenalan** (ruminan secara individu).
- d) Rekod vaksinasi setiap ternakan berdasarkan tanda pengenalan haiwan menggunakan buku rekod yang disediakan oleh DVS atau buku rekod pemohon sendiri.
- e) Tiada sejarah kejadian penyakit berlaku dalam tempoh 1 tahun (melalui rekod ladang atau tiada IP) sebelum ujian saringan 1 dijalankan.
- f) **Tiada kes kejadian penyakit / seroreactor selama 2 kali berturut-turut** (Semua ternakan berumur lebih 6 bulan diuji negatif dengan menggunakan RBPT/ELISA selang 3 bulan).

2. Permohonan baharu (Tanpa Vaksinasi)

Kriteria :

- a) **Vaksinasi tidak dijalankan** pada gerompok selama 3 tahun.
- b) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- c) Setiap ternakan mempunyai **tanda pengenalan** (ruminan secara individu).
- d) Rekod ladang menggunakan buku rekod yang disediakan oleh DVS atau buku rekod pemohon sendiri.
- e) **Tiada kes kejadian penyakit / seroreactor selama 2 kali berturut-turut** (Semua ternakan berumur lebih 6 bulan diuji negatif dengan menggunakan RBPT/ELISA selang 3 bulan).

3. Permohonan pembaharuan

Kriteria :

- a) **Persampelan** dijalankan setahun sekali (Semua ternakan berumur lebih 6 bulan diuji negatif dengan menggunakan RBPT/ELISA). Jumlah sampel hendaklah mengikut *herd prevalence* daerah bagi negeri masing-masing. Rujuk jadual saiz sampel dengan darjah keyakinan 95%.
- b) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- c) Setiap ternakan mempunyai **tanda pengenalan** (ruminan secara individu).
- d) Rekod ladang menggunakan buku rekod yang disediakan oleh DVS atau buku rekod pemohon sendiri.

4. Permohonan bagi gerompok/premis positif Brucellosis

Kriteria :

- a) Suntikan **vaksin brucella strain RB51** diberi kepada induk bovin yang berumur lebih 6 bulan yang diuji negatif RBPT/ELISA dari gerompok positif Brucellosis (ladang lembu sahaja).
- b) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang

- iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- c) Setiap ternakan mempunyai **tanda pengenalan** (ruminan secara individu).
- d) **Rekod ladang** menggunakan buku rekod yang disediakan oleh DVS atau buku rekod pemohon sendiri.
- e) Semua ternakan berumur lebih 6 bulan diuji negatif dengan menggunakan RBPT/ELISA selang 3 bulan selepas penakaian terakhir (Serologi 1).
- f) Semua ternakan berumur lebih 6 bulan diuji negatif dengan menggunakan RBPT/ELISA selang 3 bulan selepas serologi 1(Serologi 2).
- g) Semua ternakan berumur lebih 6 bulan diuji negatif dengan menggunakan RBPT/ELISA selang 3 bulan selepas serologi 2(Serologi 3).
- h) Semua ternakan berumur lebih 6 bulan diuji negatif dengan menggunakan RBPT/ELISA selang 3 bulan selepas serologi 3 (Serologi 4).

TUBERKULOSIS

1. Permohonan baharu

Kriteria :

- a) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.Setiap ternakan mempunyai **tanda pengenalan** (ruminan secara individu).
- b) **Rekod ladang** menggunakan buku rekod yang disediakan oleh DVS atau buku rekod pemohon sendiri.
- c) Tiada kes kejadian penyakit / seroreactor selama 2 kali berturut-turut (Semua ternakan berumur lebih 6 minggu diuji negatif dengan menggunakan CFT/CCT/Bovigam selang 3 bulan).

2. Permohonan pembaharuan

Kriteria :

- a) **Persampelan** dijalankan setahun sekali (Semua ternakan berumur lebih 6 minggu diuji negatif dengan menggunakan CFT/CCT/Bovigam). Jumlah sampel hendaklah

mengikut *herd prevalence* daerah bagi negeri masing-masing. Rujuk jadual saiz sampel dengan darjah keyakinan 95%.


- b) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- c) Setiap ternakan mempunyai **tanda pengenalan** (ruminan secara individu).
- d) **Rekod ladang** menggunakan buku rekod yang disediakan oleh DVS atau buku rekod pemohon sendiri.

3. Permohonan bagi gerompok/premis positif Tuberkulosis

Kriteria :

- a) Mempunyai **biosekuriti ladang** yang asas:
 - i) Pagar perimeter
 - ii) Kemudahan disinfeksi di pintu masuk kandang
 - iii)Pelan ladang yang menunjukkan kedudukan pintu masuk, pagar perimeter ladang, kandang dan kemudahan disinfeksi.
- b) Setiap ternakan mempunyai **tanda pengenalan** (ruminan secara individu).
- c) **Rekod ladang** menggunakan buku rekod yang disediakan oleh DVS atau buku rekod pemohon sendiri.
- d) Semua ternakan yang berumur lebih 6 minggu diuji negatif dengan menggunakan CFT/CCT/Bovigam selang 3 bulan selepas penakaian terakhir (Ujian 1).
- e) Semua ternakan berumur lebih 6 minggu diulang uji negatif dengan menggunakan CFT/CCT/ Bovigam selang 3 bulan selepas ujian 1 (Ujian 2).
- f) Semua ternakan berumur lebih 6 minggu diulang uji negatif dengan menggunakan CFT/CCT/Bovigam selang 3 bulan selepas ujian 2 (Ujian 3).

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN PREMIS BEBAS PENYAKIT HAIWAN

Bil	Perkara	Sila tanda (X)
1	Surat rasmi permohonan kepada Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar	<input type="checkbox"/>
2	<p>Maklumat permohonan premis bebas penyakit diisi dengan lengkap mengikut penyakit yang dipohon. Maklumat hendaklah diisi dalam Borang Permohonan Premis Ladang Bebas. Borang boleh diakses melalui QR kod atau link :</p> <div style="text-align: center;">  </div> <p>https://docs.google.com/spreadsheets/u/1/d/1y7IOi8qIVQyrpXV_6prOWX-5j_EOgCloVe2YyA4H6A8/htmlview#gid=0</p> <p>Borang permohonan juga boleh dirujuk di laman web rasmi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (ruangan e-borang Epidemiologi dan Survelan)</p>	<input type="checkbox"/>
3	Salinan keputusan makmal bagi setiap ujian dijalankan	<input type="checkbox"/>
4	Salinan rekod ladang menggunakan buku rekod yang disediakan oleh DVS atau buku rekod pemohon sendiri	<input type="checkbox"/>
5	Gambar lengkap (perlu jelas) premis yang memohon;	<input type="checkbox"/>
	i. <i>Layout</i> premis Hendaklah mempunyai lakaran pagar perimeter, pintu masuk utama, kedudukan kandang, kemudahan-kemudahan yang ada (e.g stor makanan, peralatan dan lain-lain) serta kedudukan <i>foot-dip</i> .	
	ii. Pintu masuk utama premis Pastikan pintu masuk utama ini berfungsi untuk mengawal keluar masuk manusia, kenderaan dan ternakan.	
	iii. Pagar perimeter Pastikan pagar perimeter mampu menghalang kemasukan haiwan dari luar premis untuk masuk ke dalam premis.	
	iv. Pencelup kaki (<i>foot-dip</i>)	
	v. Pencelup tayar kenderaan (<i>wheel-dip</i>) dipintu masuk premis (Jika ada) vi. Jika kawalan biosekuriti kenderaan keluar-masuk dilakukan secara semburan manual, sertakan gambar lokasi semburan dan peralatan yang digunakan.	

	vii. Pandangan hadapan,sisi dan belakang kandang/rumah/reban	<input type="checkbox"/>
	viii. Gambar tanda pengenalan haiwan (individu/herd)	<input type="checkbox"/>